



کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PRESS INFO

TALIAN NASIHAT KESIHATAN

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kementerian ini akan mengaktifkan **Talian Nasihat Kesihatan (*Health Advice Line*)**. Talian ini bertujuan untuk memberikan maklumat terkini dan nasihat-nasihat kesihatan mengenai dengan jangkitan Coronavirus Baru (*2019-nCoV*). Nombor-nombor Talian Nasihat Kesihatan adalah **2381380** dan **2381383**, yang mana akan mula beroperasi pada hari Rabu, 5 Februari 2020 bersamaan 11 Jamadilakhir 1441.

Talian ini akan beroperasi pada waktu bekerja iaitu:

Hari Isnin - Khamis dan Hari Sabtu

Jam: 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang

Bagi panggilan di luar waktu bekerja, orang ramai boleh terus menghubungi Talian Darussalam 123. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/SitePages/2019nCoV.aspx untuk maklumat lanjut mengenai jangkitan Coronavirus Baru (*2019-nCoV*).

-TAMAT-

Tarikh : 10 Jamadilakhir 1441H / 4 Februari 2020M

Rujukan : KK/PR 3/1